



# Ancaman Buli Siber yang Membimbangkan

Kita sedia maklum bahawa Internet telah mengubah gaya hidup manusia di seluruh pelusok dunia. Internet menjadi medium penting dan keperluan harian kepada semua lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak. Internet juga menjanjikan kelebihan yang ketara seperti pengendalian kelas, pengumpulan maklumat dan komunikasi antara rakan secara dalam talian.

Namun begitu, satu daripada keburukan penggunaan Internet dalam kalangan kanak-kanak yang memberikan kesan yang mendalam ialah buli siber. Dalam hal ini, kanak-kanak boleh menjadi pelaku ataupun mangsa buli siber. Kajian oleh Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati bahawa sebanyak 28 peratus kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2019 menjadi mangsa keganasan dalam talian.

Malaysia menduduki tempat keenam daripada 28 buah negara di dunia dan kedua tertinggi di Asia dalam kes buli siber. Statistik tersebut memberikan isyarat yang penting kepada rakyat Malaysia supaya berganding bahu bagi menangani kegiatan buli siber dalam kalangan kanak-kanak.

Secara umumnya, buli siber ditakrifkan sebagai buli elektronik atau kekejaman sosial yang dilakukan secara dalam talian oleh individu atau kumpulan individu secara berulang kali terhadap mangsa. Buli siber ini boleh menyebabkan kemudaratan yang disengajakan kepada mangsa.

Buli siber berlaku apabila pelaku menghantar mel elektronik, foto, video, teks, mesej langsung atau mesej awam kepada mangsa dalam medium elektronik bagi menjejaskan imej dan reputasinya. Hal yang lebih membimbangkan dalam buli siber ialah

pelaku boleh mengedarkan maklumat kepada sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada Internet dan penerima boleh membacanya berulang kali.

Kajian menunjukkan bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi pembuli siber kerana buli siber tidak melibatkan pertemuan secara bersemuka dengan mangsa buli siber. Oleh hal yang demikian, individu yang tidak pernah membuli secara terang-terangan juga berpotensi menjadi pembuli dalam alam siber.

Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada buli siber, terutamanya dalam kalangan pelajar. Antara faktornya termasuklah persekitaran keluarga yang bermasalah dan kurang memberikan perhatian terhadap perkembangan anak-anak. Hubungan antara ibu bapa dengan anak yang renggang memberikan implikasi yang mendalam

kepada anak-anak dan menyebabkan mereka meluahkan perasaan melalui buli siber.

Ibu bapa disarankan agar sentiasa mendengar dan mengambil tahu segala aktiviti anak-anak termasuklah dalam alam maya. Selain itu, ibu bapa perlu sedaya upaya mewujudkan pertalian yang sihat antara anak-anak supaya mereka mempercayai ibu bapa dan sentiasa berkongsi segala aktiviti mereka termasuklah aktiviti yang dilakukan dalam alam maya.

Kajian juga mendapati bahawa anak-anak yang mendapat sokongan ibu bapa jarang-jarang terjebak dalam kejadian buli siber. Sokongan daripada ibu bapa juga akan memastikan anak-anak menggunakan alam siber dengan selamat.

Ketagihan terhadap Internet juga menyumbang kepada kejadian buli siber. Menurut kajian, sekiranya seseorang itu lebih kerap menggunakan Internet, maka risiko untuk individu tersebut terjebak dalam budaya buli siber, sama ada menjadi pembuli siber ataupun menjadi mangsa siber adalah sangat tinggi.

Di samping itu, pelajar yang kerap menggunakan Internet cenderung berkongsi maklumat, foto dan video peribadi kepada tatapan umum. Tindakan sedemikian memberikan laluan mudah dan peluang kepada pelaku buli siber untuk mengambil kesempatan dan memulakan aktiviti buli siber kepada mangsa yang menjadi sasaran.

Penggunaan Internet yang kerap juga mendedahkan para pelajar kepada pengenalan individu yang tidak dikenali, penggodam, pedofilia dan laman sosial pornografi. Hal ini secara langsung akan mendedahkan pelajar kepada budaya buli siber yang tidak diingini.

Tambahan pula, pelajar yang mempunyai akses kepada komputer

peribadi, telefon pintar dan mempunyai bilik sendiri lebih cenderung terjebak dalam kegiatan buli siber kerana aktiviti berkenaan tidak dapat dikawal secara sepenuhnya oleh ibu bapa.

Faktor individu turut menyumbang kepada kejadian buli siber dalam kalangan pelajar. Pelajar yang mempunyai personaliti narsistik cenderung memberikan kesan kepada individu lain secara tidak langsung melalui buli siber. Pada kebiasaannya, pelajar yang mempunyai ciri seperti panas baran dan mudah kecewa sering terlibat dengan gejala buli siber.

Pada masa yang sama, pelajar yang tidak patuh kepada peraturan juga sering terlibat dengan kegiatan jenayah siber. Sebenarnya, pelajar yang terlibat dengan kegiatan buli siber ini mahukan perhatian dan simpati daripada ibu bapa dan rakan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana

pelajar tersebut berasa bahawa dirinya sentiasa terpencil dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada ahli keluarga dan rakan sebaya.

Selain itu, peribadi pelajar yang mementingkan diri sendiri dan ingin mengawal serta menyimpan perasaan dendam lebih cenderung terlibat dalam kegiatan buli siber. Pelajar yang mempunyai nilai empati yang rendah juga terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini. Empati merujuk sejauh mana seseorang itu memahami situasi dan perasaan orang lain. Oleh sebab itu, pelajar yang mempunyai nilai empati yang rendah sering menjadi pelaku buli siber dan tidak akan membantu mangsa buli siber.

Sebagai kesimpulannya, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan badan kerajaan serta badan bukan kerajaan perlu berganding bahu bagi menangani isu buli siber. Ibu bapa perlu mencari inisiatif untuk mengeratkan hubungan dan memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi yang membolehkan mereka memantau aktiviti alam maya anak-anak dengan lebih berkesan.

Pada waktu yang sama, pihak sekolah disarankan agar mengatur program kesedaran buli siber dan mewujudkan peraturan sekolah yang boleh menghalang para pelajar daripada terjebak dengan kegiatan yang tidak berfaedah ini. Semua pihak yang berkepentingan pula perlu sentiasa mengadakan kempen kesedaran buli siber untuk memberikan pendedahan dan maklumat akan bahayanya isu buli siber ini kepada para pelajar.®

**Dr. Malathi Letchumanan, Pegawai Penyelidik, Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia.**